

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: SNN/DSAI/08 (Crim)

Tarikh : 13-7-2008

Ybg DATUK MOHD BAKRI BIN MOHD ZININ
PENGARAH JABATAN SIASATAN JENAYAH
IBU PEJABAT POLIS DIRAJA MALAYSIA
BUKIT AMAN
50560 KUALA LUMPUR Faks: 03-22731326

Ybhg Datuk,

PER: DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM

Dengan segala hormatnya kami merujuk perkara di atas di mana kami mewakili penama di atas.

2. Kami telah diarahkan bahawa lebih kurang pada lewat pagi 12-7-2008 (Sabtu) DSP Jude Pereira dari pejabat tuan telah menghubungi peguam kami Encik S N Nair meminta anakguam kami Dato' Seri Anwar Ibrahim untuk menghadirkan dirinya ke IPK Kuala Lumpur pada 13-7-2008 (Ahad) untuk tujuan pengambilan keterangan.
3. Peguam kami Encik S N Nair selepas berbincang dengan anakguam kami yang berada di Pulau Pinang telah memberitahu DSP Jude bahawa anakguam kami akan hadir pada 14-7-2008 (Isnin) jam 2.00 petang di IPK Kuala Lumpur dan oleh itu suatu persefahaman baik telah dicapai oleh kedua-dua pihak seperti yang dipersetujui dari awal.
4. Tetapi, kami telah dimaklumkan oleh DSP Jude lebih kurang jam 9.30 malam pada 12-7-2008 (Sabtu) bahawa pihak polis telah pergi ke rumah anakguam kami di Segambut Dalam Kuala Lumpur dan telah cuba untuk menyerahkan suatu perintah di bawah s. 111 Kanun Acara Jenayah di bawah nama anakguam kami kepada salah seorang yang berada di rumah anakguam kami.
5. Peguam kami Encik S N Nair membantah kepada DSP Jude bahawa ianya adalah suatu serahan yang tidak teratur dan tiada keperluan untuk mengeluarkan perintah tersebut kerana anakguam kami telah akujanji untuk hadir seperti persefahaman baik yang telah dipersetujui di perenggan 3 di atas.
6. Walaupun perkara di perenggan 5 di atas telah diberitahu kepada pihak polis, kami telah dimaklumkan sekali lagi oleh anak kepada anakguam kami bahawa lebih kurang pada tengahari 13-7-2008 (Ahad) sepasukan pegawai polis telah pergi ke rumah anakguam kami di Segambut Dalam dan telah mengganggu ('harrass') dan telah menuntut keluarganya menerima penyerahan perintah tersebut walaupun telah diberitahu bahawa keluarganya tidak mempunyai kuasa untuk menerima perintah tersebut kerana perintah tersebut telah dialamatkan secara kediri anakguam kami. Sepasukan pihak polis tersebut juga telah enggan untuk meninggalkan rumah anakguam kami dan oleh itu telah menyebabkan keluarga anakguam kami berada di dalam ketakutan dan intimidasi yang mana secara keseluruhannya adalah tidak perlu.

7. Berdasarkan kepada di atas, anakguam kami merasa terlalu kecewa dengan sikap tidak professional dan tindakan-tindakan intimidasi pihak polis walaupun telah mencapai persefahaman baik untuk bekerjasama sebelum ini.

8. Anakguam kami sekarang ini ingin menyatakan bahawa kecuali pihak polis bertindak secara professional dan mematuhi persefahaman baik tersebut dan undang-undang, anakguam kami bersedia untuk bekerjasama dengan pihak polis.

9. Walau apa pun, anakguam kami mengulangi kedudukan beliau bahawa **anakguam kami bersedia untuk bekerjasama dengan pihak polis sekiranya pihak polis tidak mengganggu beliau atau mengintimidasi keluarganya dan tidak memungkiri persefahaman baik tersebut.**

10. Kami selaku peguambela anakguam kami akujanji akan mengemukakan anakguam kami sekiranya kesemua syarat di perenggan 9 di atas dipenuhi oleh pihak polis dan kami memohon agar suatu tarikh baru ditetapkan supaya anakguam kami boleh hadir ke IPK Kuala Lumpur untuk memberi keterangan di bawah keadaan yang tidak membahayakan mana-mana pihak. Di dalam keadaan intimidasi yang dilakukan oleh pihak polis seperti ini, anakguam kami tidak dapat menghadirkan ke IPK Kuala Lumpur pada 14-7-2008 sehingga keadaan intimidasi ini lenyap sama sekali. Anakguam kami ingin memaklumkan bahawa beliau pada hari Rabu 16-7-2008 akan hadir ke pejabat Agensi Anti-Rasuah untuk memberi keterangan.

11. Sekali lagi kami mengulangi bahawa anakguam kami bersedia untuk bekerjasama dengan pihak polis tetapi tidak di dalam keadaan adanya intimidasi dan gangguan dari pihak polis.

Kami memohon agar pihak polis bertindak secara professional selaras dengan slogan baru Polis Diraja Malaysia.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,
S N NAIR & PARTNERS

s.k. anakguam

Menteri Kementerian Dalam Negeri, Malaysia
Putrajaya Faks: 03-88891713